

BAB II

Idea Utama Kaedah Pembelajaran Koperatif Dan Kaedah-Kaedah Yang Tergolong Di Dalamnya

Pengenalan

Guru seharusnya memberikan pengajaran yang berkesan kepada pelajar supaya berlaku pembelajaran. Sehubungan dengan itu, pelbagai cara boleh dilakukan supaya wujudnya pengajaran dan pembelajaran berkesan. Menurut Atan Long (1986), merangsang murid sewaktu pembelajaran dan mewujudkan suasana demokratik di bilik darjah dapat menghasilkan pengajaran yang berkesan. Selain itu, kebijaksanaan guru memilih teori pengajaran, menentukan kemahiran-kemahiran yang hendak diajar dan kefahaman guru mengenai prinsip pembelajaran seperti pembelajaran seharusnya meluaskan horizontal intelektual, sosial, moral, kerohanian, merangsang minat dan keseronokan, memberi ruang dan peluang kepada pelajar untuk mengatasi kelemahan sebagai faktor penting untuk mendapatkan pengajaran dan pembelajaran berkesan kepada pelajar, (Abd. Rahim 1992, 1998; Nik Azis 1990; Kamaruddin 1990).

Menurut Robiah (1993) pula, aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dapat memenuhi perasaan, boleh dilakukan oleh pelajar dan kewujudan proses interaksi sama ada secara formal atau tidak formal dapat mewujudkan proses

pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Menurut beliau lagi, situasi pengajaran dan pembelajaran yang begini bukan sahaja membolehkan para pelajar memenuhi tanggungjawabnya, malah mewujudkan suasana demokrasi di bilik darjah dan faktor-faktor yang mengganggu pengajaran dan pembelajaran seperti masalah disiplin di bilik darjah dapat diminimakan. Sebagai kesimpulannya, perancangan aktiviti pengajaran yang sesuai dan melibatkan pelajar secara aktif dalam pengajaran dan pembelajaran merupakan salah satu faktor yang dapat mewujudkan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan.

Dalam konteks pendidikan di Malaysia, kebanyakan pengajaran guru mengabaikan prinsip-prinsip pembelajaran berkesan di atas. Sebaliknya kebanyakan guru masih menggunakan teknik pengajaran konvensional iaitu guru berdiri di depan kelas dan menyampaikan pelajaran sementara para pelajar mendengar dengan membuat rujukan kepada buku teks atau bahan-bahan pembelajaran yang digunakan. Situasi pengajaran dan pembelajaran seperti ini menjadikan para pelajar pasif, tidak meningkatkan potensi diri sama ada dari segi kognitif mahupun afektif dan hanya bercakap apabila guru menyoal mereka. Jika terdapat usaha-usaha untuk melibatkan para pelajar secara aktif, kegiatan itu hanya bertujuan untuk mengukuhkan sesuatu pengajaran semata-mata, iaitu agar para pelajar menguasai pelajaran mereka, (Rahimah, 1984).

Pengajaran yang berpusatkan guru dan kurang aktiviti kerja berkumpulan turut berlaku dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sejarah di

sekolah. Seperti yang dinyatakan Mays (1974); Rohana (1986) dan Masariah (1995), pengajaran dan pembelajaran Sejarah masih lagi stereotaip iaitu guru menggunakan kaedah memberi nota, bercakap dan menulis, bergantung kepada sebuah buku teks, penekanan kepada mengingat dan menghafal fakta, pengajaran yang berbentuk lisan dan tidak melibatkan pelajar secara aktif dan pembelajaran wujud tanpa perasaan kenikmatan dan kerelevannya.

Corak pengajaran dan pembelajaran Sejarah yang begini mewujudkan tanggapan negatif terhadap mata pelajaran Sejarah di kalangan para pelajar. Tanggapan negatif tersebut ialah menganggap mata pelajaran Sejarah tidak memberi manfaat jika dibandingkan dengan Bahasa Inggeris dan Matematik (Gallop Poll, 1979), mata pelajaran Sejarah tidak membawa sebarang faedah (School Council, 1968) dan tiada kepentingannya kepada individu dan masyarakat (Kirkendall, 1976 dan Wesley, 1967). Oleh itu boleh dibuat kesimpulan bahawa kaedah pengajaran yang gunakan oleh guru bukan kaedah pengajaran yang berkesan dan boleh menghalang tercapainya matlamat dan objektif pengajaran dan pembelajaran Sejarah di sekolah.

Oleh itu seseorang guru Sejarah seharusnya berusaha untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang pendidikan. Guru bukan sahaja perlu mempunyai pengetahuan yang baik mengenai Sejarah, mempunyai kelayakan ikhtisas, berdedikasi, berpengetahuan dalam bidang psikologi, sosiologi, ilmu

pengurusan bilik darjah, berupaya mengaplikasi teori-teori pembelajaran tetapi juga perlu mahir dan cekap menggunakan dan mengaplikasikan berbagai-bagai teknik dan pendekatan pengajaran supaya penyampaian ilmu pengetahuan yang terdapat dalam mata pelajaran Sejarah menjadi menarik, mudah difahami dan wujud pembelajaran yang berkesan kepada pelajar, (Abd.Rahim, 1998a). Dengan itu, guru Sejarah khasnya harus bersedia mengubah paradigma pengajaran dan pembelajaran yang bercorak sehala kepada melibatkan pelajar secara aktif dalam pengajaran dan pembelajaran seperti menggunakan kaedah pembelajaran koperatif.

2.1. Idea utama kaedah pembelajaran koperatif

Terdapat pelbagai definisi pembelajaran koperatif diberikan oleh para sarjana dalam bidang ini. Tetapi secara umumnya, kaedah pembelajaran koperatif boleh dirumuskan sebagai merujuk kepada satu kumpulan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan kumpulan-kumpulan kecil (*small group*) untuk belajar. Melalui kumpulan kecil ini, setiap pelajar harus bekerjasama sesama ahli dalam kumpulan untuk memaksimumkan pembelajaran sama ada untuk diri sendiri ataupun kumpulan (setiap ahli-ahli kumpulan), (Johnson dan Johnson, 1991). Ini bererti proses pembelajaran berlaku dalam kumpulan kecil. Dengan itu interaksi dan tanggungjawab setiap individu penting untuk sama-sama berjaya mencapai matlamat kumpulan tanpa mengambil kira

latar belakang setiap ahli kumpulan sama ada mereka berprestasi rendah, sederhana ataupun tinggi, (Slavin, 1985 dan Kagan, 1990).

Dari segi elemen-elemen asas kaedah pembelajaran koperatif pula, boleh dirumuskan seperti berikut iaitu saling bergantung secara positif (*positive interdependence*), saling interaksi secara bersemuka (*face-to-face interaction*), tanggungjawab setiap individu (*individual accountability*), kemahiran-kemahiran sosial (*social skills*), proses yang berlaku dalam kumpulan (*group processing*), (Johnson dan Johnson 1989; Johnson, Johnson dan Holubec 1990; Davidson 1990 dan Kagan dan Kagan 1994). Manakala menurut Slavin (1990), sesuatu pembelajaran koperatif itu seharusnya menekankan penggunaan matlamat kumpulan dan pelajar perlu berkerjasama untuk belajar dan bertanggungjawab ke atas pembelajaran rakan-rakan sepasukan.

Selain dari berkerja secara bersama-sama, Slavin menekankan Pembelajaran Pasukan Pelajar (*Student Team Learning*) iaitu nama yang diberikan kepada keseluruhan kaedah pembelajaran koperatif. Beliau juga memberi penekanan kepada penggunaan matlamat pasukan dan kejayaan pasukan, ia boleh dicapai jika semua ahli dalam pasukan mempelajari objektif yang diajar. Menurut Slavin dalam Pembelajaran Pasukan Pelajar, tugas pelajar bukan untuk membuat sesuatu sebagai pasukan tetapi belajar sebagai satu pasukan (*do something as a team but to learn something as a team*). Dalam

Pembelajaran Pasukan Pelajar terdapat tiga konsep utama yang diberi penekanan oleh Slavin ialah peluang untuk sama-sama berjaya (*equal opportunities success*), ganjaran pasukan dan tanggungjawab setiap individu. Di samping itu sesuatu kumpulan pembelajaran secara koperatif seharusnya mempunyai ahli yang terdiri dari pelbagai ciri seperti ahli kumpulan terdiri daripada pelbagai jantina, pelbagai tahap prestasi iaitu tinggi, sederhana dan rendah atau pelbagai ethnrik (jika ada). Dalam konsep pembelajaran koperatif yang dimaksudkan oleh Slavin, tidak memberi penekanan yang jelas tentang kemahiran sosial.

Dari pendefinisian yang diberikan oleh para sarjana dalam bidang pembelajaran koperatif tersebut, boleh dibuat satu rumusan bahawa kaedah pembelajaran koperatif itu mempunyai elemen-elemen asas yang sama kecuali idea yang dikemukakan oleh Slavin (1990). Elemen-elemen yang terdapat dalam pembelajaran koperatif ini yang membezakannya dengan kaedah pengajaran dan pembelajaran tradisional.

2.2. Asas-asas kaedah pembelajaran koperatif

Menurut Jacobs, Lee dan Ball (1998), pengenalan dan penggunaan kaedah pembelajaran koperatif dalam pengajaran dan pembelajaran berasaskan kepada konsepsi yang terdapat dalam idea John Dewey, psikologi behaviorisme, psikologi sosial dan psikologi kognitif. Menurut mereka, konsepsi yang diambil

dari idea John Dewey ialah pelajar hendaklah aktif, belajar dan membuat, pembelajaran hendaklah berdasarkan motivasi intrinsik, pendidikan perlu merangkumi belajar berkerja dengan orang lain, menghormati dan memahami mereka dan wujud prosedur demokratik.

Konsepsi yang diambil daripada psikologi behaviorisme pula ialah kepentingan kontingensi kumpulan. Kontingensi kumpulan yang dimaksudkan oleh Slavin (1987) sebagai “tingkahlaku seorang atau beberapa ahli kumpulan membawa ganjaran kepada kumpulan”. Kewujudan kontigensi kumpulan inilah yang merangsang pelajar melakukan kerja dengan baik. Selain itu, ialah konsep ganjaran dan hukuman yang terdapat dalam aliran psikologi ini, (Bandura, 1966). Menurut Slavin (1987), kaedah pembelajaran koperatif boleh meningkatkan motivasi ektrinsik pelajar kerana motivasi intrinsik saja tidak mencukupi dan lama-kelamaan menurunkan tahap motivasi. Oleh itu motivasi ektrinsik juga diperlukan untuk mengukuhkan pembelajaran.

Konsepsi utama yang diambil daripada psikologi sosial pula ialah saling bergantung secara positif. Pergantungan secara positif inilah yang akan membolehkan tercapainya matlamat utama. Konsep ini digunakan oleh Johnson dan Johnson (1975) untuk mengubahsuai teknik dan mengembangkan pembelajaran koperatif. Melalui psikologi kognitif, konsepsi yang diambil adalah berdasarkan idea Piaget (1956) dan Vygotsky (1978) yang menekankan bahawa

berinteraksi dengan orang lain mungkin merupakan bantuan penting dalam pembelajaran.

Sebagai kesimpulan, kaedah pembelajaran koperatif ini mempunyai asas dari segi teoritikalnya dan ia amat berguna untuk menghasilkan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Di samping itu juga, kaedah ini melibatkan pelajar secara aktif dalam pembelajaran, mengembangkan potensi diri pelajar dalam aspek kognitif dan afektif serta dapat memenuhi tujuan meningkatkan prestasi akademik.

2.3. Elemen utama kaedah pembelajaran koperatif dan fungsinya dalam konteks kumpulan kecil

Menurut Johnson, Johnson dan Smith (1991), keberkesanan kaedah koperatif dalam pengajaran dan pembelajaran adalah berdasarkan kajian selama lebih 90 tahun dan lebih 600 kajian mengenainya. Hasil kajian yang begitu lama dan banyak telah membuktikan bahawa kaedah ini berjaya memberikan kesan positif dalam meningkatkan tahap pencapaian pelajar, mewujudkan perhubungan yang lebih positif sesama pelajar dan memberi kesan psikologi yang lebih sihat terhadap para pelajar berbanding jika menggunakan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang menekankan pertandingan dan individu. Walaupun begitu, perlu diberi perhatian bahawa kesan-kesan positif ini tidaklah ditunjukkan secara automatik apabila pelajar duduk belajar dalam sesebuah kumpulan. Penggunaan kaedah ini memerlukan guru berhati-hati dan cukup memahami cara

melaksanakan pembelajaran koperatif di bilik darjah serta melatih para pelajar supaya benar-benar belajar secara koperatif.

Selain itu, elemen-elemen asas kaedah pembelajaran koperatif juga perlu dikenalkan sepanjang waktu pengaplikasian kaedah pembelajaran koperatif dalam pengajaran dan pembelajaran sesuatu mata pelajaran seperti dalam mata pelajaran Sejarah. Elemen-elemen asas itu ialah saling bergantung secara positif (*positive interdependence*), interaksi secara bersemuka (*face-to-face interaction*), tanggungjawab setiap individu (*individual accountability*), kemahiran sosial (*social skills*) dan proses yang berlaku dalam kumpulan (*group processing*). (Johnson dan Johnson 1975; Johnson, Johnson dan Holubec 1991; Johnson, Johnson dan Smith, 1991).

Berdasarkan pendapat para sarjana ini elemen-elemen asas kaedah pembelajaran koperatif ini boleh dirumuskan sebagai berikut iaitu saling bergantung secara positif bermaksud setiap ahli kumpulan bertanggungjawab kepada diri sendiri dan setiap ahli kumpulannya untuk sama-sama berjaya (Jacobs, Lee dan Ball, 1998). Saling bergantung secara positif ini boleh distrukturkan kepada pelajar dengan beberapa cara iaitu,

1. Mewujudkan saling bergantung untuk matlamat yang positif iaitu pelajar perlu diberitahu kejayaan dan kegagalan adalah tanggungjawab bersama;

2. Mewujudkan imbuhan positif yang saling bergantung pula iaitu pemberian imbuhan oleh guru mestilah untuk kumpulan, imbuhan itu mungkin berbentuk mata bonus atau pujian;
3. Memberi peranan setiap ahli kumpulan yang saling bergantungan iaitu setiap ahli kumpulan diberi peranan tertentu seperti pencatat, ketua pelapor atau tugas-tugas tertentu yang dilantik oleh guru atau kumpulan.
4. Sumber yang saling bergantungan secara positif iaitu setiap ahli kumpulan merupakan sumber penting bagi ahli kumpulan yang lain misalnya, agihan sesuatu tugas yang berlainan menjadikan setiap orang dalam kumpulan penting.

Interaksi saling bersemuka merupakan satu elemen penting sewaktu melaksanakan aktiviti pembelajaran dalam kumpulan. Elemen ini akan membolehkan setiap individu bertukar idea, sumber, memproses maklumat, memberi maklum balas dan membuat keputusan bersama untuk mencapai matlamat bersama. Elemen ini juga boleh menyuburkan lagi saling bergantung secara positif dalam sesebuah kumpulan kecil pembelajaran. Walaupun begitu guru perlu memupuk kemahiran ini khususnya di peringkat permulaan pengenalan kaedah ini kepada pelajar

Elemen tanggungjawab setiap individu bermaksud setiap ahli kumpulan bukan saja bertanggungjawab untuk kejayaan dirinya, tetapi juga kejayaan setiap ahli kumpulannya. Elemen ini perlu ada dalam sesuatu kumpulan kecil pembelajaran yang menggunakan kaedah pembelajaran koperatif. Kewujudan elemen ini bertujuan supaya setiap ahli kumpulan berpeluang untuk sama-sama berjaya (*equal opportunities success*). Di samping itu eleman ini menuntut tanggungjawab setiap ahli kumpulan agar tidak menjadi ‘penumpang dalam kumpulannya’. Bagi memastikan unsur ini wujud dalam kumpulan, guru harus peka dengan sumbangaan setiap orang sewaktu aktiviti kumpulan dijalankan atau membentuk kumpulan yang kecil bilangan ahlinya seperti 4 - 6 orang setiap kumpulan.


Kemahiran sosial merupakan satu elemen penting dalam pembelajaran koperatif. Kemahiran ini akan membantu setiap orang ahli kumpulan untuk saling bekerjasama dalam situasi yang harmoni kerana akan ada ahli yang bercakap sementara yang lain mendengar dan ada ahli yang memberi serta menerima idea atau kritikan. Bagi mendapatkan kemahiran-kemahiran ini guru perlu melatih pelajar dari masa ke semasa. Manakala proses dalam kumpulan boleh dinyatakan sebagai apa yang ditunjukkan atau tindakan ahli-ahli dalam sesebuah kumpulan. Aspek utama proses ini ialah menerima dan memberi pertolongan kepada ahli kumpulan.

Elemen-elemen ini penting dalam kaedah pembelajaran koperatif. Oleh itu kelima-lima elemen yang dibincangkan di atas mesti diwujud dan dikenalkan sepanjang aktiviti pembelajaran secara koperatif. Terdapat kajian yang menyokong peranan elemen ini dalam proses pembelajaran. Bagi aspek saling bergantungan secara positif misalnya, Hwong et. al. (1990) dalam Johnson, Jonhnson dan Smith,(1991); Lew et.al. (1986) dan Mesch et. al. (1988), mendapati bahawa interaksi interpersonal saja tidak menghasilkan peningkatan pencapaian tanpa saling bergantungan secara positif setiap ahli kumpulan. Kombinasi matlamat dan imbuhan yang saling bergantungan secara positif akan lebih meningkatkan pencapaian berbanding jika kumpulan hanya mempunyai matlamat kumpulan yang saling bergantungan saja. Ini bererti keempat-empat unsur saling bergantungan secara positif penting dalam sesuatu kumpulan kecil pembelajaran. Jika unsur ini ada dalam sesuatu kumpulan kecil baru wujud peningkatan pencapaian setiap ahli kumpulan.

Bagi elemen proses dalam kumpulan Desforges (1989), dalam bukunya '*An Introduction To Teaching*' mengatakan bahawa proses dalam sesuatu kumpulan akan meningkatkan kemahiran kognitif dan sosial. Bennet dan Dunne (1982) serta Hertz Lazowitz (1990), yang mengkaji mengenai kesan proses kumpulan mendapati penglibatan pelajar secara koperatif lebih banyak berbanding jika kaedah pengajaran seluruh kelas digunakan. Webb (1989), pula mengatakan proses dalam kumpulan mengandungi elemen memberi dan

menerima pertolongan di kalangan ahli kumpulan. Menurut beliau, menerima pertolongan dalam pembelajaran lebih berkesan berbanding menerima jawapan terus sesuatu penyelesaian masalah kerana ia memberi tindak balas seperti yang dikehendaki. Pemberi pertolongan pula menerima faedah melalui tindakannya menerangkan sesuatu idea. Proses yang berlaku sewaktu penerangan sesuatu idea ialah individu tersebut terpaksa mengorganisasi sesuatu idea semula. Sekiranya penerangannya mengenai sesuatu idea itu tidak difahami, individu tersebut terpaksa mencari cara lain supaya ideanya difahami seperti menggunakan bahasa dan contoh yang boleh difahami.

Sebagai kesimpulannya, elemen-elemen seperti saling bergantungan secara positif, tanggungjawab setiap individu, interaksi secara bersemuka, kemahiran sosial dan proses kumpulan yang terdapat dalam kaedah pembelajaran koperatif perlu diwujudkan dan dikekalkan jika hendak mendapatkan kesan penggunaan kaedah pembelajaran koperatif yang maksimum. Pengabaian dan pengurangan elemen-elemen ini sewaktu menggunakan kaedah pembelajaran koperatif di dalam pengajaran dan pembelajaran sesuatu mata pelajaran akan menjadikan kaedah pengajaran tidak lagi menggunakan kaedah pembelajaran koperatif. Ini kerana elemen-elemen ini saling berkait dan sokong menyokong seperti yang dikonsepsualkan dalam rajah 1, (lihat rajah 1).



Rajah 1

Elemen-elemen penting dalam kaedah pembelajaran koperatif

2.4. Kaedah-kaedah pembelajaran koperatif

Terdapat pelbagai cara untuk mengimplemtasi kaedah pembelajaran koperatif. Jika kumpulan-kumpulan kecil pembelajaran koperatif digunakan pada satu masa pengajaran ia dinamakan kumpulan pembelajaran koperatif tidak formal. Tetapi jika kumpulan kecil pembelajaran koperatif itu kekal pada jangka masa sederhana seperti 2 - 3 minggu untuk membuat satu penyelidikan, kaedah kumpulan koperatif tersebut dikenali kumpulan kaedah pembelajaran koperatif formal dan sekiranya kumpulan kecil koperatif itu dikekalkan pada satu jangka masa yang lama seperti satu semester atau satu tahun, kumpulan koperatif ini dipanggil kumpulan koperatif berdasarkan kumpulan, (Slavin,1990 dan Johnson, Johnson dan Smith, 1991). Oleh itu, guru perlu bijak mengimplementasikan kaedah pembelajaran koperatif mengikut kesesuaian objektif pengajaran dan pembelajaran yang hendak dicapai.

Dari segi pemilihan kaedah pembelajaran koperatif pula, guru mempunyai pelbagai alternatif kaedah untuk dilaksanakan dalam pengajaran dan pembelajaran. Kaedah-kaedah yang tergolong dalam kaedah pembelajaran koperatif ialah:

1. *Round Robin*

Kaedah ini menggunakan kumpulan kecil 4-6 orang. Aktiviti kumpulan mengkehendaki setiap orang ahli dalam kumpulan bercakap mengikut giliran untuk berkongsi maklumat. Kaedah ini digunakan

supaya pelajar berkongsi pendapat seperti membuat hipotesis, melatih pelajar mendengar dan aktif dalam pembelajaran.

2. Temubual Tiga Langkah (*Three-Step-Interview*)

Dalam melaksanakan kaedah Temubual-Tiga-Langkah pelajar berada dalam kumpulan 4 atau 6 orang. Pelajar akan berpasangan dan menemubual satu sama lain. Sesudah itu setiap orang dikehendaki berkongsi maklumat dalam kumpulan.

3. Berfikir-Berkongsi-Berpasangan (*Think-Pair-Share*)

Langkah pertama kaedah ini mengkehendaki setiap orang dalam berfikir sendiri tentang sesuatu tugas yang diberi, selepas itu mereka dikehendaki mencari pasangan dan berkongsi maklumat dengan rakan kongsi, kemudian baharulah berkongsi dengan kelas. Kaedah ini mempunyai persamaan dengan kaedah Berfikir-Berpasangan-Berempat (yang membezakannya ialah kaedah Berfikir-Berpasangan-Berempat membentuk kumpulan 4 orang). Kaedah ini dicadangkan oleh Jacobs,Lee dan Ball (1998). Kaedah ini melibatkan pelajar secara aktif, mengulangkaji hipotesis, pemikiran induktif dan deduktif serta aplikasi.

4. Jaringan –Kumpulan Perkataan (*Team Word-Webbing*)

Setiap orang dalam kumpulan dikehendaki menuliskan idea-idea utama, idea-idea tambahan di atas kertas mahjong/papan tulis. Selepas itu mereka dikehendaki mensintesis idea-idea yang ditulis tersebut.

5. Kepala Nombor Bersama (*Number Head Together*)

Setiap pelajar dikehendaki mengambil satu nombor, kemudian guru menanyakan satu soalan. Pelajar dikehendaki mencari pelajar yang memiliki nombor yang sama untuk berbincang. Guru menyebut satu nombor dan menyoal pelajar. Tujuan penggunaan kaedah ini ialah untuk menyemak pengetahuan rakan.

6. Bulatan-Dalam-Luar (*Inside-Outside-Circle*).

Pelajar akan berdiri dengan pasangan dalam dua bulatan yang bertindih. Pelajar bulatan dalam akan menghadap pelajar bulatan luar dan mereka berkongsi maklumat. Selepas pelajar bulatan luar akan bergerak supaya mereka bertemu dengan pelajar yang lain dari bulatan dalam. Faedah kaedah ini ialah dapat menyemak kefahaman, berkongsi dan bertemu dengan rakan sekelas.

7. Meja Bulat (*Roundtable*)

Kaedah ini mengkehendaki pelajar bergilir menulis jawapan atau maklumat apabila kertas diedarkan kepada mereka (setiap ahli kumpulan). Tujuan kaedah ini adalah untuk menilai maklumat terdahulu, kemahiran latihan dan mengingat semula. Ini memberi peluang pembabitan semua pelajar.

8. Sudut-Sudut (*Corners*)

Kaedah sudut-sudut ini mempunyai persamaan dengan kaedah Paspot Parafrasa. Dalam kaedah ini pelajar dikehendaki memfrasa semula apa

yang telah diberitahu oleh rakan mereka. Perkara yang membezakan kedua-dua kaedah ini ialah penggunaan sudut-sudut tertentu yang telah ditentukan oleh guru berbanding dengan kaedah Paspot Parafrasa

9. Kumpulan Penyiasatan (*Group Investigation*)

Kaedah ini mengkehendaki pelajar menyelesaikan sesuatu tugas yang telah diberi kepada setiap ahli dalam sesuatu kumpulan. Selepas setiap ahli kumpulan tersebut dapat menyelesaikan bahagian tugasan, mereka dikehendaki bergabung semula dalam kumpulan dan hasil tugas itu diterima sebagai tugasan kumpulan. Kaedah ini mempunyai persamaan dengan kaedah *Co-op Co-op*. Kaedah ini menggalakkan para pelajar melakukan penyiasatan dan menghasilkan penemuan.

10. Berpasangan (*Patners*)

Dalam kaedah ini pelajar dikehendaki berpasangan untuk menguasai isi kandungan. Mereka boleh berbincang dengan pasangan lain. Selepas itu, mereka berkongsi hasilan atau memahamkan pasangan atau pasangan lain dalam kumpulan iaitu jika terdapat lebih pasangan dalam kumpulan tersebut.

11. Cip Bertutur

Setiap orang dalam satu kumpulan memiliki beberapa keping cip (2-3). Pelajar yang hendak bercakap perlu menyerahkan sekeping cip, begitulah seterusnya sehingga setiap orang habis cipnya, baharulah

boleh diulang. Ini akan memberi peluang kepada setiap orang bercakap.

12. Kod Warna (*Color-Coded*) atau Kad Co-op (*Co-op Card*)

Pelajar menghafal fakta menggunakan permainan “*flash card*”. Permainan kad ini bertujuan meningkatkan ingatan jangka pendek kepada ingatan jangka panjang. Markah diberi berdasarkan peningkatan. Permainan bertujuan untuk menghafal fakta.

13. Memeriksa Berpasangan (*Pairs Check*)

Dalam kumpulan berempat dibentuk dua pasangan. Setiap pasangan diberikan tugas. Setiap pasangan diberi tugas secara bergilir. Jika si A menyelesaikan masalah, Si B akan membantu begitulah sebaliknya. Selepas menyelesaikan dua masalah, pasangan pertama akan membandingkan jawapan atau penyelesaian masalah dengan pasangan kedua.

14. Permainan Pemadanan (*Match- Mine*)

Pelajar akan cuba memadankan susunan objek-objek yang telah dibuat oleh seorang pelajar berpandukan kepada komunikasi lisan saja. Kaedah ini dapat meningkatkan kemahiran komunikasi.

15. Bahagian Pencapaian-Pasukan Pelajar (*Student Teams-Achievement Division*)

Dalam kaedah ini, guru memberi kuliah dahulu. Selepas itu pembentukan kumpulan heterogen dilakukan. Setiap kumpulan akan mengambil kuiz secara individu dari bahan pengajaran guru.

Setiap pasukan ini mempunyai nama tersendiri. Skor kuiz setiap pelajar dalam kumpulan itu diambil serta purata kuiz yang lepas digunakan untuk memberi mata kepada kumpulan. Ini bererti mata skor individu tidak sama dengan mata kumpulan. Suatu bentuk pengiktifan boleh diberikan kepada kumpulan yang mendapat mata tertinggi.

16. Pertandingan-Permainan-Pasukan(*Teams-Games-Tournament*)

Guru mengajar atau memberi kuliah terlebih dahulu. Kemudian dalam kumpulan yang heterogenes, mereka akan mengambil kuiz. Selepas mengambil kuiz mereka akan pergi ke meja pertandingan yang mempunyai tahap pencapaian yang sama. Daripada pertandingan tersebut mereka akan mendapat markah atau purata markah yang menjadi penyumbang kepada kumpulan masing-masing.

17. Jigsaw

Setiap ahli kumpulan asas menerima bahan pembelajaran yang berbeza. Selepas itu mereka akan membentuk pasukan pakar untuk menjadi pakar bahagian masing-masing. Sesudah itu mereka akan kembali kepada pasukan asas dan mengajar rakan-rakan mereka dalam kumpulan asas. Kumpulan asas akan mencantum maklumat daripada pakar-pakar mereka untuk menyelesaikan sesuatu tugas.

18. *Structured Dyadic Method*

Pelajar akan mengajar pasangannya untuk mempelajari maklumat dari teks yang disediakan. Cara ini juga berkesan dalam pembelajaran (Dansereau, 1988). Kaedah ini diambil daripada kaedah *Classwide Peer Tutoring*

*(Huraian kaedah-kaedah pembelajaran koperatif secara ringkas ini telah diambil dan diubahsuai dari Slavin (1990); Kagan (1990); Jacobs, Lee dan Ball, (1998) dan Johnson, Johnson dan Smith (1991).

Kepelbagaiannya kaedah yang terdapat dalam kaedah pembelajaran koperatif ini merupakan satu kelebihan bagi kaedah pembelajaran koperatif kerana memberi peluang kepada guru untuk memilih kaedah yang sesuai dengan tahap prestasi pelajar, matlamat serta objektif pengajaran dan pembelajaran. Menurut Foot dan Barron (1990), kaedah pembelajaran koperatif boleh digunakan untuk membantu pelajar yang bermasalah untuk menguasai isi, memahami konsep dan pelajar yang berprestasi rendah dalam akademik.

2.5. Rumusan

Kaedah pembelajaran koperatif bukan satu kaedah baru dalam pengajaran dan pembelajaran. Dengan berdasarkan teori psikologi sosial, psikologi behaviorisme, teori motivasi dan kognitif kaedah pembelajaran koperatif ini

terbukti memberi manfaat kepada pelajar apabila digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran sesuatu mata pelajaran. Kewujudan elemen saling bergantung secara positif, interaksi saling bersemuka, tanggungjawab setiap individu, kemahiran sosial dan proses dalam kumpulan akan menjadikan kaedah ini berbeza dengan aktiviti pembelajaran secara berkumpulan biasa yang diarahkan oleh guru. Ini bererti tidak semua kerja berkumpulan itu adalah aktiviti pembelajaran koperatif. Johnson dan Johnson (1989) mengatakan, sesuatu aktiviti kumpulan pembelajaran itu tidak boleh dianggap sebagai telah menggunakan kaedah pembelajaran koperatif jika pelajar hanya duduk dalam kumpulan tetapi membuat kerja masing-masing atau seseorang individu membantu ahli kumpulannya setelah dia menyelesaikan kerja terlebih dahulu atau seorang saja yang membuat kerja untuk kumpulan manakala yang lain meletakkan namanya saji.

Rahimah (1984), pula mengatakan sesuatu situasi hanya akan dianggap pembelajaran koperatif jika semua ahlinya bekerjasama untuk mencapai matlamat kumpulan yang sama dan mendapat ganjaran yang sama. Kaedah pembelajaran koperatif ini juga mempunyai beberapa kelebihan berbanding kaedah pengajaran dan pembelajaran tradisional. Antara kelebihan kaedah ini ialah terdapat pelbagai kaedah yang boleh dipilih dan digunakan oleh guru sesuai dengan objektif pengajaran dan pembelajarannya, kaedah pembelajaran koperatif mempunyai asas teori dan dapat mengembangkan potensi diri pelajar dalam

pelbagai aspek seperti kognitif dan afektif di samping telah terbukti keberkesanannya penggunaannya dalam beberapa mata pelajaran di beberapa buah negara.

Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sejarah KBSM, sekiranya kaedah ini dapat diaplikasikan oleh guru dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran ini, sedikit sebanyak persepsi negatif pelajar terhadap mata pelajaran ini dapat diubah. Di samping itu juga pengaplikasian kaedah ini dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah di bilik darjah, mungkin dapat menjadikan hasrat objektif pengajaran dan pembelajaran Sejarah KBSM dan Falsafah Pendidikan Negara tercapai. Walaupun begitu, faedah-faedah penggunaan kaedah pembelajaran koperatif dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah mungkin sukar dicapai jika guru Sejarah tidak menguasai atau gagal mengaplikasikannya di bilik darjah. Kesungguhan, keyakinan dan sikap guru Sejarah yang sentiasa sedia belajar serta meningkatkan pengetahuan mengenai kaedah ini, akan merealisasikan keberkesanannya kaedah ini dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sejarah .